

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 2/2008**

=====
**JUSTIFIKASI INDIVIDU YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN
UNTUK PERMOHONAN PENGURANGAN PREMIUM**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor mengenai keputusan Pihak Berkuasa Negeri untuk mempertimbangkan permohonan rayuan pengurangan premium kepada individu yang berkelayakan.

2. LATARBELAKANG

2.1 YB. Pegawai Kewangan Negeri Selangor (PWN) selaku Pengerusi Jawatankuasa Rayuan Pengurangan Premium Negeri Selangor di dalam mesyuarat Bil.3/2008 pada 3 April 2008 memaklumkan bahawa **Pihak Berkuasa Negeri telah memutuskan untuk tidak lagi menimbang dan akan menolak** semua permohonan rayuan pengurangan premium/ premium tambahan (samada melalui Borang 5A atau 7G) kecuali **kes pembermilikan tanah kepada individu bagi tujuan bangunan kediaman** sahaja.

3. KRITERIA INDIVIDU YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN

3.1 Pekeliling ini terpakai kepada pemohon yang layak dipertimbangkan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

3.1.1 Tanah yang diberimilik untuk tujuan bangunan kediaman sahaja;

3.1.2 Bangunan kediaman hanya untuk kegunaan sendiri dan didiami oleh pemohon;

3.1.3 Pendapatan isi rumah RM1,500.00 sebulan dan ke bawah atau pendapatan per kapita RM300.00 dan ke bawah (pendapatan per kapita RM300.00 bagi sebuah keluarga terdiri daripada lima (5) orang ahli berdasarkan jumlah pendapatan isi rumah RM1,500.00).

3.1.4 Selain PGK yang ditetapkan, faktor-faktor berikut perlu diambilkira:

- i. Bilangan anak/ tanggungan;
- ii. Kecacatan fizikal atau tahap kesihatan; dan

- iii. Bebanan kewangan yang dihadapi (pembiayaan pengajian anak/ sakit kronik seperti sakit jantung/ kencing manis/ darah tinggi/ buah pinggang/ kanser).

3.1.5 Permohonan tersebut perlu mendapat pengesahan daripada ADUN/ Penghulu/ Ketua Kampung berdasarkan Borang Pengesahan seperti di lampiran A.

4 KAEDAH PELAKSANAAN PERMOHONAN PENGURANGAN BAYARAN PREMIUM

4.1 Tatacara pengurangan pembayaran premium adalah seperti berikut:-

Bil	Alasan / Sebab	Peratusan Pengurangan Yang Akan Diperakukan
1.	Pemohon yang memenuhi kriteria seperti di para 3.1	40%
2.	Pegawai dan kakitangan awam yang berkhidmat di Negeri Selangor	30%
3.	Pemohon yang mengalami kecacatan fizikal kekal dan mengalami kesihatan yang teruk	50%

5 TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 5.1 Pekeliling ini terpakai kepada individu yang layak dipertimbangkan sahaja (**kes pemberimilikan individu bagi tujuan bangunan kediaman** sahaja). Permohonan yang tidak termasuk di bawah kriteria yang ditetapkan hendaklah dibuat penolakan di peringkat Pentadbir Tanah Daerah tanpa perlu diangkat ke Pihak Berkuasa Negeri melalui Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor.
- 5.2 Pekeliling PTG Bil. 2/2005 para 4.1 adalah terbatal.
- 5.3 Pelaksanaan arahan dalam pekeling ini **berkuat kuasa mulai 1 Julai 2008**.

T.T

(ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 01 Julai 2008

BORANG PENGESAHAN

NAMA PENUH PEMOHON : _____

NO. KAD PENGENALAN : _____

ALAMAT TETAP : _____

ALAMAT SURAT MENYURAT (jika berlainan) : _____

NO. TELEFON : _____

UMUR : _____

JANTINA : Lelaki Perempuan

STATUS PEMOHON : Bujang Berkahwin

Duda Janda

KURANG UPAYA : Ya, Nyatakan _____ Tidak

PEKERJAAN : _____

PENDAPATAN ISI : RM _____

RUMAH SEBULAN

TANGGUNGAN : _____

PEMBANGUNAN DI ATAS TAPAK : Ada Rumah Tiada Rumah

Jika ada Menduduki Tapak kosong

Disewakan

Kosong

Jika Tiada

Saya akui bahawa maklumat yang diberi adalah benar dan sekiranya maklumat itu didapati palsu permohonan saya akan terbatal.

Saya setuju,

Pengesahan Oleh

(Tandatangan pemohon)

(Tandatangan dan COP Adun/
Penghulu/ Ketua Kampung)

Tarikh:

Tarikh: